

## PROSA TRADISIONAL

### ASAL PADI

#### A. SINOPSIS

( A sinopsis tiada pilihan jawapan. Rujuk buku teks Antologi Kuingin Berterima Kasih, **prosa tradisional Asal Padi** untuk mendapatkan jawapan yang betul)

|                 |                |         |            |           |
|-----------------|----------------|---------|------------|-----------|
| mulut           | tangga pelangi | hidup   | kolam ikan | Si Tekuri |
| Si Burung Pipit | padi           | Melarat | bumi       | tujuh     |

Prosa Asal Padi mengisahkan sepasang suami isteri yang memiliki banyak harta dan mempunyai dua orang anak yang masih kecil, seorang daripadanya cacat. Setelah pasangan suami isteri itu meninggal dunia, habis hartanya diambil orang jahat sehingga kedua-dua anaknya hidup 1. Satu-satunya yang tinggal hanyalah 2.

Pada suatu hari, ketiga Si Bongsu melihat-lihat kolam ikan peninggalan orang tuanya, dia mendapati ada 3 orang wanita baru selesai mandi dan bersiap-siap untuk pulang. Si Bongsu meminta izin untuk mengikuti mereka pulang ke kayangan. Sesampainya mereka di kayangan, Si Bongsu terlihat benda kuning berkilau-kilau yang dijemur di tengah-tengah dusun. Disangkanya benda itu ialah selonggok emas. Si Bongsu bertanya kepada empunya emas lalu empunya emas menjelaskan bahawa benda yang disangka emas itu ialah 4 yang amat enak dimakan. Si Bongsu meminta izin untuk mendapatkan padi bagi ditanam di bumi tetapi tidak dibenarkan oleh empunya padi. Sebaiknya empunya padi memberikan nasi supaya dia dapat merasai keenakan nasi.

Pada suatu hari, Si Bongsu mengambil Segenggam padi lalu dimasukkan ke dalam 5 nya untuk dibawa ke bumi. Malangnya tidak berjaya apabila empunya padi menyedari padinya dicuri. Si Bongsu ditangkap di 6 dan di banting oleh empunya padi sehingga tumit Si Bongsu

berdarah akibat terkena bucu tangga. Ketika empunya padi ingin kembali ke kayangan setelah mengambil semula padinya, Si Bongsu merayu mengikuti empunya padi ke kayangan kerana kaki dia sakit dan sanggup menjadi hamba. Si Bongsu berjanji tidak akan mengulangi kesilapannya. Permintaan si bongsu diterima dan dia ditugaskan menjaga serta mengawasi padi yang dijemur.

Beberapa lama kemudian, Si Bongsu ingin pulang ke 7. dia membuat muslihat dan menyembunyikan butir padi di dalam lubang luka pada tumitnya. Si Bongsu meminta izin untuk pulang. Si Bongsu membenarkan dirinya diperiksa oleh empunya padi. Kerelaan tersebut menyakinkan empunya padi bahawa Si Bongsu tidak mencuri padinya. Di bumi, Si Bongsu menanam padi tersebut dan memperoleh hasilnya. Sementara padi di kayangan hilang daya 8. Empunya padi menghantar Si Burung Pipit ke bumi untuk melihat kalau-kalau ada padi ditanam di bumi. Si Burung Pipit terbang ke Bumi lalu melihat padi sedang berbuah. Burung Pipit telah makan padi tersebut dan kembali ke kayangan. Burung Pipit memberitahu tiada padinya ditanam di bumi tetapi dicurigai oleh empunya padi. Kemudian, empunya padi menghantar Si Tekuri ke bumi lalu memberitahu kedua-dua burung itu bahawa Si Tekuri akan membunuh Si Pipit jika ada padi ditanam di bumi dan sebaliknya. Akhirnya 9 membunuh 10 dengan menyepit kerongkong pipit sekuat hati. Begitulah asal kejadian burung pipit mempunyai tembolok di bahagian tengkuk dan adanya padi di bumi.